

**SPESIFIKASI PENERBITAN  
LAGU TEMA DAN “JINGLE” BAGI KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA  
(DOMESTIK) BERTEMAKAN *Cuti-Cuti Malaysia***

**A) LAGU TEMA KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA**

**B) “JINGLE” KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA “*Hard sell*”**

**1. PENGENALAN**

Syarikat penerbitan produksi, “Music Production House” atau agensi pengiklanan adalah dipelawa untuk mengemukakan sebutharga bagi mengendalikan kerja-kerja penerbitan lagu **tema dan “jingle” bagi kempen percutian dalam negara (domestik) bertemakan *Cuti-Cuti Malaysia***. Ianya sebagai satu usaha untuk memperkasakan Kempen *Cuti-Cuti Malaysia* dan membantu memartabatkan kembali industri pelancongan yang terkesan disebabkan oleh pandemik Covid 19.

**1. KONSEP / TEMA LAGU**

Konsep dan idea lagu mestilah “up to date” dan “catchy” yang memberi kesan kepada pendengar seiring dengan genre muzik dan trend terkini. Sasaran adalah untuk pelancongan domestik dan lagu serta “jingle” mestilah mampu menarik perhatian pelbagai golongan seperti golongan “urban”, berkeluarga dan “milenia”. Tema dan konsep yang diperlukan adalah seperti berikut :

**i. LAGU TEMA KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA (DOMESTIK)**

**a) Tema & Konsep (Lirik)**

Menggalakkan pelancongan domestik menerusi keindahan alam semulajadi dan dengan suntikan elemen seperti kekeluargaan dan berbilang kaum dan suku kaum serta kesenian dan kebudayaan dengan mengekalkan tema *Cuti-Cuti Malaysia*.

**b) Genre (Cadangan)**

Pop Etnik/ (RapEtnik) dengan suntikan elemen Moden kontemporari dan elemen tradisional. Kombinasi alat-alat muzik tradisional yang menggambarkan seni dan budaya Malaysia adalah digalakkan.

ii. **“JINGLE” KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA “Hard sell”**

a) **Tema & Konsep (Lirik)**

Menggalakkan pelancongan domestik dengan suntikan elemen kesenian dan budaya serta bertemakan *Cuti-Cuti Malaysia*.

b) **Genre (Cadangan)**

Pop dengan suntikan elemen moden dan kontemporari. Walaubagaimanapun pihak syarikat dikehendaki untuk mencadangkan perkara diatas dengan kreativiti masing-masing dan menepati tema dan konsep yang dikehendaki.

Cadangan penggunaan alatan tradisional dan penggunaan elemen seni dan budaya yang digarap bersama lagu tema digalakkan untuk menghasilkan satu karya yang malar segar.

3. **SKOP PENERBITAN**

Syarikat yang berjaya dilantik dikehendaki menerbitkan 2 versi lagu ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

a) **LAGU TEMA KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA (Domestik)**

Bahasa : Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris  
Durasi : *Master* - 2 minit  
*Direct cutdown* - 1 Minit  
- 30 saat

b) **“JINGLE” KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA “Hard sell”( Domestik)**

Bahasa : Bahasa Malaysia & Bahasa Inggeris  
Durasi : *Master* - 1 minit  
*Direct cutdown* - 30 saat

Pihak syarikat boleh mencadangkan penyanyi (Main Vocal) dan Komposer dari kalangan selebriti untuk kedua - dua versi untuk Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kos tersebut hendaklah dimasukkan di dalam kos produksi.

#### 4. SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN PRODUK AKHIR

Format	:	<b>WAV</b>
Jangkamasa	:	<b>Versi 1</b> : 2 Minit, 1 Minit, 30 saat <b>Versi 2</b> : 1 Minit, 30 saat
Bahasa	:	Bahasa Inggeris & Bahasa Malaysia

Produk akhir kepada Tourism Malaysia :

2 Versi	:	1 x Hardisk - Full version (All Cut) - Instrumental - Minus One - Cold Vocal & Choruses
Format	:	<b>WAV &amp; MP3</b>

#### 5. TEMPOH SIAP

Syarikat yang berjaya perlu menyiapkan penerbitan kedua-dua versi lagu tersebut dalam jangkamasa **45 hari** daripada tarikh perlantikan dan surat setuju terima.

#### 6. PERLAKSANAAN TUGAS PENERBITAN

Syarikat yang dilantik hendaklah bertanggung jawab melaksanakan tugas dari pra produksi, produksi sehingga ke peringkat produksi. Untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan ini, syarikat yang berjaya dilantik dikehendaki mengendalikan penerbitan lagu tema serta "jingle". Dalam hal ini, segala kerja-kerja menerbit, mencipta, menggubah, mencipta lirik, merakam vokal, melantik penyanyi, melantik pemuzik, kerja-kerja rakaman studio dan "post work" adalah di bawah tanggungjawab mana-mana syarikat yang berjaya dan dilantik untuk sebutharga ini.

**7. PENGGUNAAN PENYANYI (VOKAL UTAMA DAN “BACKGROUND SINGER”) DAN KOMPOSER, PENGUBAH SERTA PENULIS LIRIK**

Syarikat yang berjaya hendaklah bertanggungjawab untuk mengendalikan pemilihan, menyelia penerbitan bersama pihak ketiga di atas. Satu kontrak di antara syarikat yang berjaya dilantik bersama pihak ketiga diatas perlu dimeterai untuk penggunaan khidmat mereka dan memberi kebenaran hakmilik penerbitan ini diserahkan sepenuhnya kepada syarikat yang berjaya untuk menjadi hakmilik Tourism Malaysia. Intipati kontrak tersebut mestilah menggariskan penggunaan bahan-bahan tersebut dibenarkan untuk diguna bagi pasaran domestik dan global, siaran stesen TV tempatan, stesen TV global, dan kesemua media elektronik, media sosial, *online TV, outdoor & indoor LED screen dan inflight Entertainment dan retail media* dan semua media untuk tujuan promosi. Pihak diatas juga perlu menyerahkan hakcipta dan membenarkan rakaman tersebut untuk pembikinan apa jua penerbitan yang melibatkan Audio dan Visual oleh Tourism Malaysia dan lain pihak yang telah mendapat kelulusan Tourism Malaysia. Penggunaannya adalah secara “TOTAL BUY OUT” tanpa ada had dan tempoh akhir dan had penggunaan.

**8. HAKCIPTA**

Hakcipta Lagu Tema serta “Jingle” yang dirakamkan akan mejadi hakmilik mutlak Tourism Malaysia. Syarikat yang dilantik dan mana-mana pihak TIDAK DIBENARKAN membuat salinan dan menjual bahan audio kepada mana-mana pihak. Tourism Malaysia berhak sepenuhnya untuk penggunaan semula audio tersebut di dalam apa jua media sekalipun termasuk di dalam pengiklanan, perhubungan awam, laman web, siaran stesen TV tempatan, stesen TV global, dan kesemua media elektronik, media sosial, *online TV, outdoor & indoor LED screen dan inflight entertainment dan Retail media*. Tourism Malaysia tidak akan bertanggung terhadap sebarang tuntutan gantirugi dari pihak ketiga berkenaan dengan penggunaan semula futej-futej tersebut. Pihak Agensi Pengiklanan dan syarikat penerbitan hendaklah menanggung rugi dan melindungi (*indemnify and hold harmless*) Tourism Malaysia dari sebarang tuntutan dan/atau tindakan undang-undang berkenaan dengan

penyalahgunaan hakcipta futej tersebut oleh pihak ketiga. Tourism Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas mana-mana tuntutan pihak ketiga berkenaan dengan isu ciplak atau plagiat dari segi "Composition", "Arrangement", "Lyric" dan penggunaan instrumen yang sama kecuali ianya diambil atau ditambahbaik dari koleksi lagu dan *jingle* yang telah diterbitkan dan menjadi hakmilik Tourism Malaysia. Tourism Malaysia berhak untuk menolak lagu yang berkaitan dengan isu tersebut dan syarikat yang dilantik boleh diminta untuk menghasilkan karya yang lain tanpa sebarang kos tambahan.

## 9. TAWARAN HARGA

Syarikat hendaklah mengemukakan sebutharga berserta pecahan kos iaitu kos Pra Produksi, produksi dan Pos Produksi termasuk kos untuk duti stem untuk kontrak di antara syarikat dan Tourism Malaysia

Tawaran harga yang dikemukakan adalah muktamad dan jika sekiranya terdapat perubahan harga setelah perlantikan dibuat, ianya hendaklah dibuat atas persetujuan Tourism Malaysia.

## 10. DOKUMEN TAWARAN

Syarikat yang menyertai sebutharga ini adalah dikehendaki membekalkan perkara-perkara untuk **kedua-dua penerbitan** lagu berikut untuk penilaian Tourism Malaysia.

- i. Konsep dan idea dan "*treatment*" yang dikemukakan untuk :
  - a) LAGU TEMA KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA
  - b) "JINGLE" KEMPEN PERCUTIAN DALAM NEGARA "*Hard sell*"
- ii. *Creative Rationale*
- iii. Cadangan Penyanyi (Main Vocalist) berserta biodata ringkas. *Nyatakan pengalaman dan pencapaian (jika ada)*
- iv. Cadangan Komposer berserta biodata ringkas *Nyatakan pengalaman dan pencapaian (jika ada)*

- v. Profail syarikat yang menyertai sebutharga
- vi. Contoh hasil kerja syarikat yang berkaitan (*Showreel atau demo reel*)
- vii. Demo/ reel terbaik – Penyanyi yang dicadangkan
- viii. Demo / reel terbaik – Komposer yang dicadangkan

**11. PEGAWAI RUJUKAN PROJEK**

1. **Puan Norshima Abu Hassan**



AV Producer

: 03 8891 8135

[norshima@tourism.gov.my](mailto:norshima@tourism.gov.my)

Nota :

- 1. Perkara i,ii,iii,iv dan v (cetak dan *binding*)
- 2. *Showreel/Demoreel* disediakan dalam format audio mp3 atau jika format audio dan video (mp4). Kesemua bahan-bahan i hingga viii hendaklah dimasukkan ke dalam *thumbdrive* yang ditandakan/labelkan.

<p>Disediakan oleh:</p>  <p><b>NORSHIMA ABU HASSAN</b> Penerbit AV Bahagian Produksi</p>	<p>Disemak oleh:</p>  <p><b>JUNUS SUHID</b> Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Produksi</p>
<p>Diluluskan oleh :</p>  <p><b>SYED YAHYA SYED OTHMAN</b> Pengarah Bahagian Produksi</p>	

NO. SEBUTHARGA :

TAJUK : 1. THEME SONG – KEMPEN PELANCONGAN DALAM NEGARA  
2. JINGLE – KEMPEN PELANCONGAN DALAM NEGARA  
“HARDESELL”

JANGKAMASA : 1. THEME SONG – KEMPEN PELANCONGAN DALAM NEGARA  
MASTER - 2 Minutes  
CUTDOWN - 1 Minute  
CUTDOWN - 30 SEC  
2. JINGLE – KEMPEN PELANCONGAN DALAM NEGARA  
“HARDESELL”  
MASTER - 1 Min  
CUTDOWN - 30 Sec

BAHASA : Bahasa Malaysia  
Bahasa Inggeris

	Items	THEME SONG (B'MSIA & ENGLISH) 2 Min (Master) 1 Min 30 sec	JINGLE “HARDESELL” (B'MSIA & ENGLISH) 1 Min (Master) 30 sec	RM
<b>A.</b>	<b>IDEA &amp; CONCEPT</b>			
	Full version			
	Minus One			
	Instrumental			
	Song Writing			
	Lyricist			
<b>B.</b>	<b>MUSIC COMPOSITION</b>			
	Arranging & Sequencing			
	Vocal			
	Instrumental			
	Minus One			
<b>C.</b>	<b>SONG RECORDING</b>			
	Studio charges			
	Vocal/chorus recording			
	Audio Editing			
	Demo recording			
	Audio Mixing			
	Mastering			
<b>D.</b>	<b>TALENTS</b>			
	Main Vocal			

	Demo Vocal			
	Choruses			
<b>E.</b>	<b>FINAL MATERIALS</b> Transfer to final materials 2 Version: 1 x Hardisk - Full version (All Cut) - Instrumental - Minus One - Cold Vocal & Choruses  Format: <b>WAV &amp; MP3</b>			
<b>F.</b>	<b>*MISCELLANEOUS (IF ANY, PLEASE SPECIFY)</b> i. ii. iii.			
<b>TOTAL (A,B,C,D, E&amp;F) INCLUSIVE SST</b>				<b>RM</b>
<b>GRAND TOTAL</b>				<b>RM</b>

\*Jika sekiranya terdapat lain-lain kos tambahan, sila nyatakan di ruangan F.

Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat di atas.

Cop Syarikat:

Tandatangan Penyebutharga : \_\_\_\_\_

Tarikh :

Alamat :